

Semua pihak diminta main peranan

SEMUA pihak yang bertanggungjawab menyelenggara dan menjaga Sungai Klang perlu memainkan peranan secara maksimum agar program mengindahkan kawasan dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman berkata, pihak seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Perbandaran Klang (MPK), diminta menyalurkan masalah kepada wakil rakyat agar maklumat dapat disampaikan kepada pihak kerajaan negeri secara langsung atau melalui sidang Dun.

Menurutnya, keadaan Sungai Klang berada pada tahap membimbangkan malah memburukkan lagi kejadian banjir di beberapa kawasan di Klang ini.

“Memang kita sedia maklum, kawasan

kerap banjir di Klang ini disebabkan bentuk muka bumi yang rendah. Bagaimanapun, keadaan saliran kita yang kurang baik menyukarkan aliran air dan banjir bertambah buruk,” katanya.

Beliau turut menyarankan pihak yang lebih arif menyalurkan maklumat kepada kerajaan negeri mahupun Persekutuan termasuk dari segi cadangan meminta peruntukan tambahan di atas keperluan bagi program mengindahkan sungai berkenaan.

Katanya, maklumat boleh disalurkan melalui SMS, e-mail atau kaedah lain agar tindakan segera dapat dilaksanakan.

Sementara itu, pihak JPS negeri Selangor ketika dihubungi *Sinar Harian* enggan mengulas isu Sungai Klang kotor dan menyerahkan kepada kementerian untuk penjelasan.